

# Pencapaian ekonomi negara luar biasa: Dr Mahathir

**KUALA LUMPUR:** Ekonomi negara mencapai pertumbuhan luar biasa, iaitu 10.4 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama ini hasil pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) yang kemas dan kukuh, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak banyak negara dapat mengatasi masalah kemelesetan ekonomi seperti yang dilakukan oleh Malaysia.

"Pertumbuhan yang menggalakkan itu bermakna peluang pekerjaan semakin bertambah. Kilang mengiklankan jawatan setiap hari. Calon tidak perlu menulis surat permohonan kerana 'walk-in interview' diadakan untuk pelbagai jenis kerja," katanya.

Menurutnya, peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mempunyai kesan yang sungguh bermakna kepada setiap rakyat.

Oleh itu, katanya, demi kepentingan rakyat dan negara serta kemajuan yang berterusan, anggota BN perlu menentukan BN mencapai kejayaan da-

lam pilihanraya umum akan datang dan seterusnya, kekal sebagai kerajaan.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu merasmikan perhimpunan agung MCA ke-37 di Wisma MCA, di sini, semalam.

Beliau menegaskan, anggota BN mestilah bersikap lebih bertanggungjawab dan memastikan parti masing-masing sentiasa dalam keadaan kemas dan stabil.

"Segala usaha hendaklah dibuat bagi menyelesaikan sebarang masalah dalaman parti.

Setelah masalah selesai, semua pihak hendaklah merapatkan barisan dan meneruskan usaha untuk memajukan parti dan Barisan Nasional," katanya, sambil memuji tolak ansur yang ditunjukkan oleh pemimpin MCA dalam menyelesaikan isu perebutan jawatan Presiden baru-baru ini.

Pada masa yang sama, katanya, parti komponen juga hendaklah merapatkan hubungan di antara satu sama lain supaya salah faham dapat dikurangkan dan kerjasama erat dikekalkan.